



Rujukan: MITI.700-15/15/28 Jld.7 (3)

Tarikh: 11 Mei 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENYERTAAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI DAN AGENSI DI SEMICON SOUTHEAST ASIA 2022, 21-23 JUN 2022

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bercadang menyertai SEMICON Southeast Asia 2022 yang bakal berlangsung pada 21-23 Jun 2022 di Setia SPICE Convention Centre & Arena, Pulau Pinang.

2. Untuk makluman YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan, acara ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh SEMI South East Asia (SEMI SEA) yang mempamerkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan dan global dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta mempromosikan peluang perdagangan dan pelaburan dalam industri E&E dan perkhidmatan berkaitan. SEMICON SEA 2022 yang bertemakan "*Forward As One – Building a Resilient & Sustainable Electronics Supply Chain in SEA*" ini dijangka akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri dan turut dihadiri oleh YB Menteri Kanan MITI. SEMICON SEA 2022 pada tahun ini juga akan memperingati tahun ke-50 kecemerlangan Malaysia dalam pembuatan serta reputasi Pulau Pinang sebagai Lembah Silikon di Timur, yang dibina dengan dekad kecemerlangan pembuatan dan pengalaman industri.

3. Objektif utama SEMICON SEA 2022 ini adalah untuk:

- i. Menggalakkan perkongsian pengetahuan, pengalaman, makluman dan informasi dariapda perintis teknologi terkemuka melalui sesi panel interaktif;
- ii. Mewujudkan platform untuk meningkatkan kesedaran dan peluang bagi *technical start-ups* untuk mendapatkan sumber teknikal keusahawanan dari rantau Asia Tenggara;

- iii. Menjana minat dan memberi peluang pekerjaan kepada para pelajar untuk mendalami dengan lebih lanjut tentang keusahawanan dan kerjaya dalam bidang industri mikroelektronik serta untuk menarik lebih banyak tenaga kerja berpotensi melalui Program Universiti SEMICON SEA - *Workforce Development*; dan
- iv. Menggalakkan *business matching* dan kerjasama perniagaan antara benua melalui Pavilion Global.

4. Susulan penyertaan MITI dan Agensi di SEMICON SEA 2018 dan 2019, MITI sekali lagi telah dijemput untuk menyertai SEMICON SEA 2020 secara fizikal di bawah Pavilion MITI. Pavilion ini bertujuan untuk mempamerkan usaha-usaha MITI dan Agensi dalam membangunkan industri pembuatan E&E dan perkhidmatan berkaitan, termasuk polisi, program dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan. Butiran Pavilion yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- i. Penyertaan MITI dan Agensi dicadangkan di bawah **satu tapak pameran**. Ini adalah cadangan yang akan turut melibatkan MIDA yang dimaklumkan telah memiliki tapak pameran yang berasingan oleh pihak penganjur; dan
- ii. Saiz Pavilion MITI yang ditawarkan oleh penganjur adalah seluas 72m² yang turut merangkumi pakej termasuk cadangan rekabentuk tapak pameran, *bunting*, papan iklan, pas bagi setiap agensi untuk pameran/seminar semasa acara dijalankan, serta ruang meletakkan logo MITI dan Agensi di beberapa lokasi strategik semasa acara berlangsung.

5. Seperti tahun 2018 dan 2019, kos penyertaan MITI dan Agensi di SEMICON SEA 2022 dicadangkan dikongsikan antara MITI dan Agensi adalah sebanyak **RM183,148.00**, dengan jumlah kos penyertaan sebanyak **RM16,649.80** bagi setiap Agensi seperti di **Lampiran I dan II**.

6. Penyertaan MITI dan Agensi di dalam acara sebegini adalah penting bagi memastikan pergerakan hala tuju industri adalah selaras dengan pelaksanaan pelan perancangan dasar sektor E&E serta polisi *Industry4WRD* negara. Oleh yang demikian, saya memohon kerjasama pihak YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk memberi komitmen sepenuhnya kepada penyertaan Agensi masing-masing dalam SEMICON SEA 2022 dalam usaha untuk terus membangunkan industri E&E.

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini **sebelum ada pada 18 Mei 2022 (Rabu)**, amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HANAFI SAKRI)

Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Industri
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

s.k.:

1. YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
2. YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob
Timbalan Ketua Setiausaha (Industri)
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Arham Abdul Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
KL Sentral
50470 KUALA LUMPUR

Encik Mohd Mustafa Abdul Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Menara MATRADE
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR

YBhg. Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 PETALING JAYA

YBhg. Dato' Charon Wardini Mokhzani
Pengarah Urusan Kumpulan
Malaysian Industrial Development Finance Berhad
Menara MIDF
82, Jalan Raja Chulan
50200 KUALA LUMPUR

Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute (MARii)
Blok 2280, Jalan Usahawan 2, Cyber 6
63000 CYBERJAYA

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Sabirin bin Arshad
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan
SIRIM Berhad
1, Persiaran Dato' Menteri
P.O. Box 7035, Section 2
40700 SHAH ALAM

Ketua Pegawai Eksekutif
Export-Import Bank of Malaysia Berhad
Level 1, Exim Bank
Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR

Encik Shaharul Sadri Alwi
Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia)
Level 4, 5, 6 & 7, Tower 2, Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6
63000 CYBERJAYA

Encik Sulaiman Arshad
Pengarah
Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)
Lot 5285
Lebuhraya Sungai Besi-Puchong
57000 BUKIT JALIL

YBhg. Dr. Osman Zakaria
Pengarah Kanan
National Metrology Institute of Malaysia (NMIM)
Lot PT 4803, Bandar Baru Salak Tinggi
43900 SEPANG

BUTIRAN HARGA BAGI PAVILION MITI

MITI & Agencies Pavilion under 1 Roof @ SEMICON SEA 2022		MITI (SGD)	Goodwill Discount
Option 1A	54 sqm booth with booth construction (up to 6 agencies) - 5m Height booth construction (similar to attached illustrated visual) (inclusive of 2x 50" LED or Projection Screen) - Coffee/tea & snacks (3 items) - 2 servings per day for 3 days (20 pax) - Lead retrieval scanner x2	\$ 36,700.00	
Option 1B	72 sqm booth with booth construction (up to 8 agencies) - 5m Height booth construction (similar to attached illustrated visual) (inclusive of 2x 50" LED or Projection Screen) - Coffee/tea & snacks (3 items) - 2 servings per day for 3 days (20 pax) - Lead retrieval scanner x2	\$ 48,500.00	
2	MITI Branding - Welcome Billboard at Entrance (artwork provided by MITI) - Arena Hall Railing Banner (artwork provided by MITI) - Pillar Banner (artwork provided by MITI) - Linkway Banner (artwork provided by MITI) - Logo acknowledgement on Opening Ceremony Backdrop (MAINStage) - Logo acknowledgement on Workforce & Talent Development area & stage - Advertisement space in SEMICON SEA 2022 e-showguide - Logo acknowledgement in SEMICON SEA printed collaterals - Logo acknowledgement in SEMICON SEA onsite signages - Logo on SEMICON SEA Street Bunting & Directory Board - 10x All-access conference ticket to SEMICON SEA 2022 technical forums for MITI officials	\$ 25,350.00	
		54 SQM Package \$ 62,050.00	\$ 49,640.00
		72 SQM Package \$ 73,850.00	\$ 59,080.00

Total: SGD59,080.00 x RM3.10 = **RM183,148.00**

Rate:

1SGD = RM3.10

CADANGAN PECAHAN KOS BAGI PAVILION MITI DAN AGENSI

NO.	KEMENTERIAN/AGENSI	JUMLAH (RM)
1.	MITI	16,650.00
2.	MIDA	16,649.80
3.	MATRADE	16,649.80
4.	MPC	16,649.80
5.	MIDF	16,649.80
6.	MARii	16,649.80
7.	SIRIM	16,649.80
8.	EXIM BANK	16,649.80
9.	Standards Malaysia	16,649.80
10.	MRM	16,649.80
11.	NMIM	16,649.80
JUMLAH KESELURUHAN		183,148.00

Rate:

1SGD = RM3.10